DATO' SERI (DR) M MAHADEVAN MAHALINGAM *a*

lwn.

CHRISTIE ARIAM NAVARATNAM & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR *b*
YAACOB ISMAIL H
[GUAMAN NO: S2-22-320-1993]
21 JULAI 2003

PROSEDUR SIVIL: *Ketiadaan pendakwaan - Pembatalan tindakan - Saman minta arahan - Gagal mendapat tarikh pendengaran - Kelewatan selama lapan tahun - Sama ada bukan kecuaian plaintif - Sama ada plaintif tidak boleh dipersalahkan - Sama ada tindakan tidak harus dibatalkan - Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 25 k. 1(4), A. 34* *c*

Ini adalah rayuan terhadap keputusan penolong kanan pendaftar ('PKP') yang membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif di bawah A. 25 dan 34 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KKMT'), atas alasan bahawa plaintif telah gagal meneruskan tindakannya dan kelewatan selama lapan tahun yang berlaku telah memprejudis defendan-defendan. Selain itu, plaintif juga dikatakan telah gagal mengeluarkan Notis Untuk Menghadiri Pengurusan Kes Pra Perbicaraan seperti yang diperlukan oleh Borang 63. Fakta menunjukkan bahawa plaintif telah mengeluarkan saman minta arahan bagi tuntutannya itu, namun, pada tarikh pertama saman minta arahan tersebut ditetapkan untuk pendengaran, kes plaintif telah tidak disenaraikan. Plaintif juga telah membuat beberapa panggilan telefon dan menghantar surat kepada mahkamah bagi mendapatkan tarikh pendengaran saman minta arahannya, tetapi tidak berjaya. Di hadapan yang arif hakim, persoalan penting yang berbangkit adalah sama ada keputusan PKP di sini boleh dipertahankan, mengambilkira, antara lain, kehendak A. 25 KKMT serta pindaan yang dibuat ke atas A. 34 KKMT. *d* *e* *f*

Diputuskan: *g*

[1] Memandangkan A. 34 KKMT telah dipinda sekitar September 2000, sekaligus memperkenalkan perlaksanaan prosedur Pengurusan Kes Pra Perbicaraan, berikutan mana Arahan Amalan 1/2001 telah dikeluarkan oleh YA Hakim Besar Malaya menggantung operasi dan pemakaian A. 25 KKMT, maka permohonan defendan-defendan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif tidak boleh dipertahankan lagi. (ms 526 f-g) *h*

i

[1a] Jikapun A. 25 k. 1(4) masih berkuatkuasa, defendan-defendan perlu memenuhi pra-syarat dalam Aturan itu, iaitu bahawa defendan-defendan hanya layak untuk memohon supaya tindakan plaintif dibatalkan sekiranya plaintif gagal untuk mengeluarkan saman minta arahan. Dalam kes semasa, plaintif telah pun mengeluarkan saman minta arahan bertarikh 30 Oktober 1993 yang pada mulanya ditetapkan untuk perbicaraan pada 25 November 1993. Dengan itu permohonan defendan-defendan untuk membatalkan tindakan plaintif menurut A. 25 harus ditolak. (ms 527 a-e)

[2] Plaintif tidak wajar dipersalahkan kerana gagal mendapatkan tarikh untuk pendengaran saman minta arahannya. Ini kerana ianya adalah sesuatu yang diluar kawalan plaintif. Plaintif gagal mendapatkan tarikh pendengaran walaupun telah berkali-kali cuba menghubungi mahkamah melalui telefon dan juga surat. Berdasarkan ini, kelewatan lapan tahun yang didakwa bukanlah kerana kecuaian di pihak plaintif. (ms 527 g-h)

[3] Permohonan untuk membatalkan tindakan plaintif atas sebab kegagalan meneruskan tindakan menurut bidang kuasa sedia ada mahkamah memerlukan dua kriteria, iaitu: (i) bahawa plaintif gagal mematuhi suatu perintah mahkamah; dan (ii) bahawa plaintif bersalah menyebabkan kelewatan yang melampau dalam meneruskan tindakan untuk perbicaraan. Kedua-dua kriteria ini tidak wujud dalam kes semasa. (ms 528 b-c)

[4] Defendan-defendan jelas tersalah faham mengenai kedudukan undang-undang berhubung isu A. 34 KKMT. Pindaan ke atas A. 34 KKMT yang berkuatkuasa sekitar September 2000 telah memansuhkan hak defendan-defendan untuk memohon membatalkan tindakan plaintif atas kegagalan meneruskan perbicaraan. (ms 529 a-b)

[Rayuan plaintif dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Confidence Concrete Sdn Bhd v. Shimizu-Peremba Sdn Bhd [1994] 3 CLJ 300 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 25 r. 1(4), O. 34 r. 2(2), O. 92 r. 3B

Bagi pihak plaintif - VK Lingam; T/n VK Lingam & Co
Bagi pihak defendan kedua hingga keenam - Lorraine Cheah; T/n Shearn Delamore & Co

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Yaacob Ismail H:

Rayuan

Rayuan ini telah difailkan oleh pihak defendan kedua, ketiga, keempat, kelima dan keenam (selepas ini dirujuk sebagai defendan-defendan) yang telah tidak berpuashati dengan keseluruhan keputusan mahkamah ini bertarikh 17 April 2003 yang telah memutuskan rayuan plaintiff terhadap keputusan penolong kanan pendaftar melalui notis rayuan kepada hakim dalam kamar bertarikh 14 Jun 2002 dibenarkan dengan kos.

Latar Belakang Rayuan Ini

Defendan-defendan melalui saman dalam kamar bertarikh 2 Mac 2001 (kandungan 33B) telah memohon perintah untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan yang difailkan oleh plaintif di dalam tindakan ini atas alasan plaintiff gagal meneruskan tindakan menurut A. 25 k. 1(4) KKMT 1980 dan menurut bidang kuasa sedia ada mahkamah.

Defendan-defendan mendakwa bahawa sejak saman minta arahan bertarikh 30 Oktober 1993 diserahkan oleh peguamcara plaintiff kepada peguamcara defendan-defendan pada 15 November 1993, tiada sebarang tindakan lain yang telah diambil oleh peguamcara plaintif untuk meneruskan tindakan ini. Defendan-defendan menyatakan bahawa plaintif telah gagal untuk mengambil segala tindakan yang wajar untuk mendapatkan tarikh perbicaraan bagi saman minta arahan tersebut.

Defendan-defendan selanjutnya mendakwa bahawa dari 1993 sehingga 1996 peguamcara plaintif hanya telah menulis beberapa kali dan membuat beberapa panggilan telefon kepada mahkamah meminta tarikh perbicaraan bagi saman minta arahan tersebut ditetapkan. Selepas 1996 hanya panggilan telefon sahaja yang telah dibuat kepada mahkamah.

Defendan-defendan juga mendakwa bahawa plaintif telah gagal memfailkan Borang 63 mengikut A. 34 k. 2 KKMT 1980 yang berkuatkuasa sejak September 2000.

Oleh yang demikian, defendan-defendan menyatakan bahawa kegagalan plaintif meneruskan tindakan ini telah memprejudiskan defendan-defendan untuk membela tindakan ini kerana kelewatan adalah melampau dan ingatan saksi-saksi terhadap kes terjejas.

Keputusan Mahkamah

Setelah meneliti saman dalam kamar serta afidavit-afidavit yang telah difailkan dan setelah menimbangkan hujahan kedua-dua pihak, mahkamah memutuskan rayuan plaintif terhadap keputusan yang diberikan oleh penolong kanan pendaftar dibenarkan dengan kos.

Alasan-alasan

Meneliti hujahan kedua-dua pihak mahkamah mendapati isu substantif yang perlu diputuskan oleh mahkamah adalah samada berdasarkan kepada fakta-fakta yang terdapat di dalam kes ini, writ saman dan pernyataan tuntutan wajar dibatalkan atas alasan plaintif gagal meneruskan tindakan menurut A. 25 k. 1(4) ataupun menurut bidang kuasa sedia ada mahkamah ataupun menurut A. 34 KKMT 1980.

Samada permohonan defendan-defendan menurut A. 25 k. 1(4) KKMT 1980 masih berkuatkuasa dari segi undang-undang. Sekiranya masih berkuatkuasa. samada fakta kes ini menyokong permohonan defendan-defendan ini?

Pada September 2000, A. 34 KKMT 1980 telah dipinda dengan peruntukan A. 34 yang baru yang telah memperkenalkan perlaksanaan prosedur Pengurusan Kes Pra Perbicaraan. Dengan berkuatkuasanya peruntukan A. 34 yang baru tersebut, Yang Amat Arif Hakim Besar Malaya (pada masa itu) di dalam menjalankan kuasa yang diberikan kepada beliau menurut A. 92 k. 3B KKMT 1980 telah melalui Arahan Amalan 1/2001 bertarikh 7 Jun 2001 menggantungkan operasi dan pemakaian A. 25 KKMT 1980.

Oleh itu, mahkamah berpendapat bahawa permohonan defendan-defendan untuk membatalkan writ saman dan pernyataan tuntutan plaintif tidak boleh dipertahankan dari segi undang-undang kerana operasi dan pemakaian A. 25 telah digantungkan.

Selanjutnya, mahkamah juga mendapati sekiranya A. 25 k. 1(4) KKMT 1980 masih berkuatkuasa, defendan-defendan perlu memenuhi pra-syarat yang telah diperuntukkan Aturan itu. Aturan 25 k. 1(4) memperuntukkan (dalam Bahasa Inggeris) seperti berikut: "If the plaintiff does not take out a summon for directions in accordance with the foregoing provision of this rule, the defendant or any defendants may do so or apply for an order to dismiss the action"

Perkataan yang jelas dari peruntukkan di atas adalah bahawa defendan-defendan hanya layak untuk memohon supaya tindakan plaintiff dibatalkan sekiranya plaintiff gagal untuk mengeluarkan saman minta arahan. Di dalam kes *Confidence Concrete Sdn Bhd v. Shimizu-Peremba Sdn Bhd* [1994] 3 CLJ 300 di ms 303, Yang Arif Hakim Abdul Kadir Sulaiman (pada masa itu) dan kini Hakim Mahkamah Rayuan memutuskan:

> Before going further to determine the matter, I would like to dispose of part of the matter contained in the application of the Defendants by Summon In Chambers herein. For the delay caused by the Plaintiffs in setting down the suit for trial, the Defendants also pray that the suit be dismissed for want of prosecution in contravention of O. 25 r. 1(4) of the RHC. This order concerns the failure on the part of Plaintiffs to take out a summons for directions. As summons for directions has been taken out in this case the question of the court exercising its power of dismissal under O. 25 r. 1(4) of the RHC would not arise and in the circumstances the application under this head is disallowed.

Di dalam kes yang dirayu ini, mahkamah mendapati bahawa plaintif telah mengeluarkan saman minta arahan bertarikh 30 Oktober 1993 yang mana pada mulanya ditetapkan untuk perbicaraan pada 25 November 1993. Salinan bermeterai saman minta arahan tersebut juga telah diserahkan kepada defendan-defendan dan fakta ini telah tidak dipertikaikan malah telah diakui oleh peguamcara defendan-defendan. Dengan ini, berdasarkan kepada otoriti di atas, mahkamah memutuskan bahawa permohonan defendan-defendan untuk membatalkan tindakan plaintif menurut A. 25 k. 1(4) wajar ditolak.

Berkenaan isu kelewatan di dalam menetapkan tindakan ini untuk perbicaraan, mahkamah mendapati ianya bukanlah disebabkan oleh plaintif. Pada tarikh pertama saman minta arahan ini ditetapkan untuk pendengaran, kes ini telah tidak disenaraikan. Selepas dari itu beberapa panggilan telefon telah dibuat dan juga surat telah dihantar oleh peguamcara plaintif untuk mendapatkan tarikh pendengaran saman minta arahan tersebut tetapi semuanya tidak berhasil.

Di dalam keadaan kes ini, plaintiff tidak wajar dipersalahkan kerana gagal mendapatkan tarikh untuk pendengaran saman minta arahan tersebut. Ini adalah kerana berpandukan kepada keterangan afidavit, mahkamah ini mendapati ianya adalah suatu yang di luar kawalan plaintif. Kelewatan tersebut adalah disebabkan plaintif gagal mendapatkan tarikh pendengaran saman minta arahan walaupun telah berkali-kali cuba menghubungi mahkamah melalui telefon dan juga surat. Berdasarkan fakta di sini, kelewatan lapan tahun yang didakwa defendan-defendan bukanlah kecuaian atau kegagalan di pihak plaintiff dan oleh itu plaintif tidak wajar dipersalahkan.

Samada berdasarkan fakta kes di sini mahkamah wajar menjalankan budibicara yang sedia ada untuk membatalkan tindakan plaintif

Permohonan defendan-defendan untuk membatalkan tindakan plaintif atas sebab kegagalan meneruskan tindakan menurut bidang kuasa sedia ada mahkamah terlebih dahulu hendaklah memenuhi kriteria-kriteria berikut:

1. Bahawa plaintif telah gagal mematuhi suatu perintah mahkamah.

2. Bahawa plaintif adalah bersalah menyebabkan kelewatan yang melampau dalam meneruskan tindakan ini untuk perbicaraan.

Kedua-dua kriteria ini tidak wujud di dalam keadaan fakta kes ini. Plaintif telah memfailkan saman minta arahan menurut A. 25 dan berkaitan dengan kelewatan menetapkan perbicaraan, ianya bukanlah kesilapan di pihak plaintif. Ketiadaan tarikh perbicaraan saman minta arahan tersebut adalah suatu yang di luar kawalan plaintif. Usaha-usaha telah dibuat oleh plaintif dengan menghubungi mahkamah melalui telefon dan surat tetapi tiada sebarang hasil telah diperolehi.

Dengan ini, permohonan defendan-defendan untuk membatalkan tindakan plaintif atas kegagalan plaintif untuk meneruskan tindakan perbicaraan menurut kuasa sedia ada mahkamah juga wajar ditolak.

Samada tindakan plaintif ini wajar dibatalkan menurut A. 34 KKMT 1980

Walaupun permohonan ini pada dasarnya tidak dibuat menurut A. 34 KKMT 1980, defendan-defendan telah didapati menimbulkan isu ini di dalam hujahan bertulis mereka. Defendan-defendan mendakwa bahawa pihak plaintif telah gagal mengeluarkan notis untuk menghadiri pengurusan kes pra perbicaraan dalam Borang 63.

Seperti yang telah dinyatakan di atas sebelum ini, A. 34 KKMT 1980 telah dipinda dan digantikan dengan A. 34 yang baru. Pindaan A. 34 yang baru ini, tidak membuat peruntukan kepada defendan-defendan untuk memohon membatalkan tindakan plaintif sekiranya plaintif gagal mengeluarkan notis pengurusan kes pra perbicaraan. Menurut A. 34 k. 2(2) jika plaintif gagal mengeluarkan Borang 63, hakim boleh mengeluarkan notis tunjuk sebab dalam Borang 64 kepada plaintif untuk memberi sebab kenapa tindakan plaintif tidak wajar dibatalkan.

Dengan perkataaan lain, pindaan A. 34 KKMT 1980 yang berkuatkuasa pada sekitar September 2000 telah memansuhkan hak defendan-defendan untuk memohon membatalkan tindakan plaintif atas kegagalan meneruskan tindakan perbicaraan (for want of prosecution). Mahkamah berpendapat defendan-defendan telah tersalah faham kedudukan undang-undang berhubung isu A. 34 ini dan mahkamah tiada pilihan lain selain dari memutuskan bahawa hujahan defendan-defendan berhubung isu ini adalah tidak berasas.

Kesimpulan

Atas alasan-alasan yang telah saya nyatakan di atas, mahkamah telah membenarkan rayuan plaintif terhadap keputusan penolong kanan pendaftar dengan kos.